



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

JPPKK BANTU BAIKI 21 BUAH RUMAH KEDIAMAN GOLONGAN B40 DAN OKU MENERUSI PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI

TAIPING, 17 JULAI 2025 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terus komited dalam menjayakan Projek Kampung Angkat MADANI (KAM) di Kampung Batu 8, Bendang Siam, di sini sebagai salah satu bentuk usaha murni pihak Kerajaan dalam memperkasakan lagi komuniti luar bandar khususnya melalui aktiviti sosial dan khidmat komuniti. Hasrat itu akan diterjemahkan dengan menyumbang pengetahuan dan teknologi praktikal menerusi konsep *on job training* yang bakal dilaksanakan pada bulan Ogos 2025 oleh pensyarah dan pelajar politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) mengikut kepakaran masing-masing.

Antara inisiatif yang dilakukan oleh pihak JPPKK adalah menerusi pembaikan 21 buah rumah penduduk yang terlibat. Terlebih dahulu, pihak JPPKK turut mengadakan lawatan tapak dan penilaian awal kerja-kerja pembaikan dijalankan oleh seramai enam orang pensyarah dari Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), dua orang dari Kolej Komuniti Sabak Bernam (KKSB) dan diketuai seramai empat orang pensyarah dari Kolej Komuniti Bagan Serai (KKBGS).

Kerja-kerja pembaikan yang dijadualkan bermula Ogos 2025 itu nanti meliputi aspek penggantian bumbung yang rosak dan bocor, penggantian lantai papan kayu, tiang kayu, cermin tingkap dan pintu yang telah usang. Manakala penduduk yang bakal menerima manfaat menerusi inisiatif ini adalah terdiri daripada golongan B40 dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Jabatan ini berharap agar melalui inisiatif ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban sekaligus meningkatkan tahap kesejahteraan kepada penduduk setempat.

-TAMAT-

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
17 JULAI 2025